

Headline	Forum pensijilan perabot		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 May 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	825,000
Page No	V3	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	363 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,077
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,230



## Forum pensijilan perabot

Oleh Mohamad Hussin  
mohamad\_hussin@hmetro.com.my

■ Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) ingin menjemput pengeluar perabot yang berminat untuk menyertai forum berkenaan pensijilan perabot sempena pelancaran Perkhidmatan Pensijilan Produk FRIM (FRIM PCS), pada 26 Mei ini.

■ Forum yang bakal diadakan di Auditorium FRIM, Kepong itu dijangka menarik penyertaan seramai 200 peserta dari seluruh negara.

■ Majlis perasmian bakal disempurnakan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Sri Zoal Azha Yusof.

■ Tujuan forum untuk memperkenalkan FRIM PCS dan mewujudkan kesedaran umum betapa pentingnya perkhidmatan ini.

■ FRIM mendapat perakuan akreditasi sebagai Badan Pensijilan Produk dari Jaba-



GAMBAR hiasan.

tan Standard Malaysia (DSM) pada penghujung tahun 2014.

■ Majlis ini bagi memberi taklimat prosedur

pensijilan dan keperluan teknikal yang perlu dipatuhi pemohon. Penyerahan sijil akreditasi daripada DSM kepada FRIM PCS

serta penyerahan sijil perakuan produk berakreditasi yang mempunyai logo DSM kepada syarikat yang berjaya dipersijil-

kan dalam projek perintis PCS.

■ Terdapat tiga pembentangan utama seperti Kepentingan Pensijilan Pro-

duk dalam Memantapkan Ekonomi Negara oleh Ketua Pengarah DSM, Datuk Fadilah Baharin.

■ FRIM PCS - Status dan Hala Tuju dalam Memperkasakan Industri Perabot oleh Pengurus Pensijilan FRIM PCS, Salamah Selamat.

■ Program Pembangunan Bumiputera dalam Industri Perabot oleh Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Ibrahim Ahmad.

■ Sesi pembentangan ini bakal disusuli dengan tajuk 'Konsistensi Pengeluaran Perabot Berkualiti Melalui Pensijilan Produk' yang akan dipengerusikan Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod.

■ Penyertaan adalah percuma dan peserta perlu membuat pendaftaran awal. Mereka yang berminat boleh mendapatkan borang penyertaan dari laman web FRIM di <http://www.frim.gov.my/wp-content/uploads/seminar/2015/PCS-2015.pdf>.